KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	12/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PTD SEREMBAN			

BH 12.1.2022_8

RM7.4 juta baik pulih infrastruktur rosak

Seremban: Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) Seremban mengenal pasti anggaran kos mencecah RM7.4 juta untuk membaik pulih infrastruktur rosak akibat banjir di Seremban dan Nilai, baru-baru ini.

Pegawai Daerah Seremban, Mohd Nizam Tajul Arus berkata, beliau menjangkakan kos lebih tinggi kerana RM7.4 juta yang dikenal pasti itu hanya membabitkan pembiayaan di bawah PDT Seremban.

"Ada kerosakan di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan beberapa agensi lain.

"Bagi PDT setakat ini bagi fasa 1 kami menjangkakan anggaran kos baik pulih RM7.4 juta.

"Kesan banjir kali ini luar biasa dan menyebabkan banyak kerosakan seperti tanah runtuh, hakisan tanah dan sebagainya dan kejadian itu boleh dianggap di luar jangkaan," katanya.

> "Kesan banjir kali ini luar biasa dan menyebabkan banyak kerosakan
> Mohd Nizam

Terdahulu, beliau melepaskan konvoi bantuan pasca banjir Kelab Sukan dan Kebajikan PDT Seremban dan Puspanita Daerah Seremban ke Gemencheh, Tampin di PDT Seremban, di sini, semalam.